

SOAL
JAWAB

USM penuhi kriteria Universiti Apex

Kualiti akademik diutamakan sebagai persediaan hadapi persaingan global

“Universiti Apex adalah konsep baru tetapi kalau kita ambil secara umum, setiap universiti hendak menjadi Universiti Apex. Mungkin istilah lain seperti lima bintang, bertaraf dunia dan menjadi universiti terulung. Universiti mesti mempunyai hasrat itu dan akan mempersiapkan diri”

“Saya rasa tanpa sastera, sains tidak akan lengkap. Ini menjadikan persiapan USM lebih mantap dalam mencari paradigma baru dan secara kebetulan itu salah satu kriteria Universiti Apex”

? Tahniah kerana pemilihan USM dan bagaimana Tan Sri melihat pengiktirafan ini.

Alhamdulillah. Program Apex cukup unik kerana ia secara sekaligus berhasrat menukar bukan saja universiti, tetapi senario pengajian tinggi mengikut pelan strategik pengajian tinggi yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 2007. Program ini memberi keyakinan kepada saya bahawa kerajaan dan Kementerian Pengajian Tinggi memang serius untuk mencorakkan pengajian tinggi dalam bentuk yang boleh kita ketengahkan untuk persaingan global.

USM diberi mandat ini atas kriteria tertentu dan elok saya jelaskan kerana ramai yang bertanya kenapa USM terpilih, bukan universiti lain. Ada kriteria ditetapkan dan dinilai oleh satu panel yang cukup profesional dan bebas. Penilaian itu bukan saja dibuat secara lisan iaitu kita membuat persembahan dan mereka menilai dan sebagainya, tetapi mereka juga datang ke USM untuk menilai apa yang kita nyatakan itu betul atau tidak. Untuk menentukan sama ada yang kita dakwa berlaku atau tidak di USM, mereka secara rambang menemuduga hampir 150 orang termasuk pelajar, staf sokongan, pensyarah muda, penyelidik, profesor, dekan dan timbalan naib canselor tanpa saya bersama.

Mereka menemubual sama ada yang kita nak buat difahami semua orang. Ada juga yang datang secara senyap dengan pergi ke kantin, makmal dan perpustakaan untuk menemubual bagi mendapatkan maklum balas bahawa USM sudah bersedia membuat perubahan dan lonjakan transformasi.

? Berapa lama USM menyiapkan diri ke arah pemilihan sebagai Universiti Apex.

Universiti Apex adalah konsep baru tetapi kalau kita ambil secara umum, setiap universiti hendak menjadi Universiti Apex. Mungkin istilah lain seperti lima bintang, bertaraf dunia dan menjadi universiti terulung. Universiti mesti mempunyai hasrat itu dan akan mempersiapkan diri.

Bagi USM, kita bermula dengan Naib Canselor pertama, Tan Sri Prof Hamzah Sendut (Allahyarham). Kalau kita melihat sejarah USM yang agak singkat iaitu 40 tahun pada tahun depan, ketika Allahyarham menjadi Naib Canselor, beliau cukup kritikal mengenai hal berkaitan kualiti. Soal mutu akademik tidak boleh diambil ringan dan sudah tentu naib canselor selepas beliau akan cuba memupuk kualiti daripada kefahaman dan keupayaan masing-masing.

Apabila sampai giliran saya, ia dipermudahkan kerana kita sudah ada asas yang cukup kukuh dan bernas. Jadi soal persediaan sudah dilakukan dari awal dan USM memang sudah bersedia. Ketika saya menjadi

ADA pihak mempertikaikan pemilihan Universiti Sains Malaysia (USM) sebagai Universiti Apex (Program Pemacuan untuk Kecemerlangan) pertama di negara ini, yang bakal memartabatkan pengajian tinggi tempatan ke peringkat global. Ikuti temubual Wartawan Berita Minggu, Fazli Abdullah dengan Naib Canselor USM, Tan Sri Prof Dzulkilfi Abdul Razak untuk mendapatkan pandangannya mengenai pemilihan itu.



Naib Canselor pada 2000, saya mempunyai kedudukan yang unik kerana ketika itu kita sedang berubah dari abad 20 ke-abad 21.

Bagi saya, soal kualiti perlu dihitung semula. Apakah bezanya sebuah universiti dalam abad ke-20 dengan sebuah universiti dalam abad ke-21. Mesti ada perbezaan kerana ia adalah pertukaran yang cukup besar dan kita maklum pada waktu itu orang membicarakan soal informasi dan keusahawanan. Kalau kita meneliti sejarah, universiti yang ada sekarang diwujudkan dalam lingkungan era perindustrian dan model universiti pun memang model kilang, begitu juga dengan pembentukan minda pelajar. Mungkin dalam era itu, model berkenaan sesuai tetapi dalam abad ke-21 adakah ia masih lagi sesuai. Adakah kita menganggap pelajar sebagai produk yang seolah-olah tidak mempunyai sifat keinsanan dan ciri kemanusiaan yang mana boleh dijual dan dipasarkan untuk tuntutan tertentu.

Ini menjadi satu perkara yang saya fikirkan dengan mendalam dan oleh itu kita mencari model yang sesuai bagi universiti pada abad ke-21. Ia menjadi satu perkara berat bagi kita untuk menukarkan paradigma. Inilah yang mencetuskan idea baru untuk memberi nafas baru kepada sebuah universiti yang akan berfungsi dalam satu masyarakat yang penuh dengan ledakan maklumat.

Pada 2001, saya membahaskan isu bagaimana kita nak membawa balik nilai kemanusiaan kepada pelajar, nilai kemanusiaan dalam pendidikan itu sendiri. Tambahan lagi, USM adalah universiti sains, dan bagi sains, ciri kemanusiaan tidak sangat dipentingkan, yang penting ialah hasil daripada rekaan sama ada berguna kepada manusia atau tidak.

Perdebatan ketika itu ialah macam mana kita nak membawa balik nilai kemanusiaan dan pelajar tidak lagi diertikan sebagai produk. Mereka mempunyai keinsanan dan fitrah kerana fitrah yang akan menentukan manusia, bukannya ilmu. Ilmu hanya untuk mengimbangi fitrah. Akhirnya, kita membuat konsep seperti kampus sejahtera untuk membangunkan sifat keinsanan dengan mengertikan kesejahteraan itu sebagai sesuatu yang penting. Universiti cemerlang macam mana sekalipun kalau tidak sejahtera, tidak akan dapat berfungsi dengan baik. Dengan perhitungan itu, USM mewujudkan konsep universiti dalam taman. Konsep ini cukup menarik kerana itulah sebenarnya saya umpamakan sebuah universiti sebagai sebuah taman, bukan lagi kilang.

Dalam taman kita akan melihat satu bentuk kepelbagaian kerana ia faktor penting dalam bidang ilmu. Kalau universiti tidak menghargai kepelbagaian dalam ilmu, universiti akan ketinggalan. Kita ada istilah yang dipanggil transdisiplin dan ini penting

kepada universiti abad ke-21. Ini memberi falsafah kepada universiti bahawa kita tidak lagi mengkhusus secara membuta tuli dalam bidang tertentu tanpa ada gabungan bidang ilmu. Gabungan paling penting ialah bagaimana nak menggabungkan sastera dan sains. Saya rasa tanpa sastera, sains tidak akan lengkap. Ini menjadikan persiapan USM lebih mantap dalam mencari paradigma baru dan secara kebetulan itu salah satu daripada kriteria Universiti Apex.

Universiti Apex ingin mencari satu paradigma baru yang unik, yang segar dan tidak mengikut model sedia ada. Universiti Apex adalah satu kebetulan, Tuhan bagi kita satu peluang. Persediaan itu sudah dibuat dalam jangka panjang, bukannya kita tahu soal Universiti Apex dan hari ini nak mohon dan fikirannya. Dalam hal ini, USM cukup beruntung kerana persediaan yang cukup awal.

? Universiti Apex dilihat sebagai penanda aras universiti tempatan di peringkat dunia. Apa perancangan jangka pendek dan jangka panjang USM dalam memastikan sasaran tersenarai dalam universiti terbaik dunia.

Dalam buku *Transformasi Pengajian Tinggi Untuk Kestabilan Hari Esok*, kami sudah meletakkan sasaran tertentu dan sudah tentu sasaran paling penting ialah yang ditetapkan Kementerian Pengajian Tinggi. Tujuh teras ditetapkan dalam pelan strategik termasuk melebarkan pendidikan, memantapkan penyelidikan inovasi serta meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Maksudnya, kalau nak memantapkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, kita perlu mula selitkan kefahaman konsep transdisiplin dan USM sejak naib canselor pertama sudah mensyaratkan setiap pelajar mengambil disiplin yang lain. Kalau belajar dalam disiplin sains, 30 peratus daripada pelajaran mestilah datang dari mata pelajaran bukan sains.

Oleh itu, kita perlu melatih kakitangan supaya mempunyai keupayaan untuk menjalankan bidang ini. Dari segi penyelidikan pun begitu juga, kita mengambil pendekatan transdisiplin. Dalam konteks ini, pada peringkat awal kita menyemarakkan kefahaman mengenai paradigma baru ini. Alhamdulillah, kita sudah berjaya satu peringkat.

Dalam jangka panjang, kita mungkin terpaksa menukar struktur USM. Kalau nak berlari, kita mestilah boleh pecut. Jadi, kalau ada peraturan, undang-undang dan cara kerja yang menghambat kita, ia mesti dirungkai dan ini mengambil masa. Kita diberi empat bulan untuk berbincang dengan kementerian untuk mendapatkan opsyen tertentu bagi menarik tiga perkara yang kita nak buat iaitu bakat, sumber dan tadbir urus.

DARI MUKA 34

Kita jangan terlalu taksab dengan ranking

? Mengikut penarafan Times Higher Education Supplement (THES) pada 2007, USM menduduki tangga ke-307. Sasaran USM sebagai Universiti Apex ialah menjadi antara 100 universiti terbaik dunia dalam tempoh lima tahun dan 50 menjelang 2020. Mampukah USM.

Saya mengambil pendekatan yang ringkas saja. Kalau universiti lain boleh buat, kenapa universiti di Malaysia tidak boleh. Kalau betul nak bersaing di peringkat global, kalau dari segi ekonominya kita boleh buat lebih baik daripada orang lain, mengapa dari segi pendidikan kita tidak boleh buat. Banyak perkara yang Malaysia mendahului dan memimpin tetapi kenapa tidak dalam bidang pendidikan tinggi. Maknanya, ada satu perkara yang fundamental yang tidak ada dalam pengajian tinggi untuk kita bersaing dan ini yang kita nak letakkan balik. Saya selalu memberi contoh, kita nak bersaing pada peringkat global dalam permainan ragbi tetapi kita masih bermain bola sepak. Jadi, dalam keadaan peraturan yang berbeza, saya berasakan adalah mustahil kita dapat bersaing. Maksudnya, kalau nak bersaing dalam liga ragbi, kita mesti sedia main ragbi. Jadi, saya andaikan THES itu orang main ragbi, kita main bola sepak tetapi kita nak masuk juga perlawanan itu. Jadi, kita dapat nombor 300 tetapi kalau nak nombor 50 atau 100, kita mesti main ragbi.

Dalam Universiti Apex, saya kata ya (menjadi universiti terbaik). Kalau nak ikut THES, kita akan bersamanya tetapi bermain dalam permainan dan peraturan yang sama. Ada kemungkinan besar kita boleh kerana universiti di Malaysia mempunyai prasarana canggih. Kalau permainan dan peraturan sama, tidak ada sebab USM tidak boleh bersaing. Sekarang orang menuduh universiti tanpa memahami hakikat ranking itu sendiri.

Saya akan persoalkan ranking THES, apa istimewanya ranking untuk kita berhempas pulas, mengapa tidak ada ranking lain, mengapa Malaysia tidak boleh membuat ranking sendiri. Jadi, konsep THES itu kadang kala dilihat sebagai satu ketaksabuan membuta tuli, yang tidak difahami orang politik yang melihat angka sebagai penilaian mutlak bagi sesebuah universiti.

Sebagai ahli akademik, kita persoalkan kenapa THES, kenapa tidak ada ranking lain, yang lebih mirip kepada fitrah kita, mengapa perlu ambil ranking orang lain dan menjadikannya sebagai sasaran kita. Mengapa tidak boleh membina ranking sendiri. Memang kita nak ranking dan kita boleh buat tetapi peraturan mesti sama. Kita mesti ada kefahaman mengenai ranking dan jangan menjadi satu perkara yang cukup taksab kerana kita tidak memahaminya kerana kesudahannya kita akan membunuh universiti sendiri. Kita terpaksa korbakan banyak perkara kalau kita nak ikut THES, agenda nasional adalah agenda penting bagi kita. Kita mungkin nombor satu dalam THES tetapi agenda nasional mungkin berselerak.

? USM kini mempunyai 75 peratus tenaga akademik yang memiliki Ijazah Doktor Falsafah



(PhD). Kriteria ini memenuhi antara syarat jawatankuasa pemilihan. Adakah selepas ini, USM menetapkan sasaran baru dan bagaimana boleh dipenuhi.

Bagi universiti terkemuka ia tidak berhenti dengan PhD saja dan kita bersyukur kerana ada 75 peratus sedangkan purata kebangsaan 40 peratus. Maknanya, kita mesti berjalan ke depan dan berhasrat meningkatkan lagi pasca kedoktoran. Ini bermakna, orang yang ada PhD datang ke sini untuk membuat penyelidikan. Ini untuk meningkatkan bilangan mereka yang mengambil pasca kedoktoran kerana merekalah yang akan menghasilkan banyak penemuan yang boleh digunakan termasuk dipasarkan.

Strategi kita sekarang ialah meningkatkan bilangan golongan ini yang sekarang lima hingga sembilan orang kepada 30 orang. Sasaran ini seiring dengan apa yang dikehendaki kerajaan dalam program 'Mybrain15'.

? Status Universiti Apex membolehkan pentadbir memperkembangkan sistem pengurusan, selain diberi autonomi penuh dalam membuat sebarang keputusan terutama membabitkan proses pemberian insentif serta membawa masuk dana luar menjayakan program penyelidikan dan pembangunan (R&D). Sebarang keputusan sebelum ini perlu merujuk kepada Kementerian Pengajian Tinggi yang ada kalanya menyukarkan sebarang keputusan. Apa komen Tan Sri dan adakah selepas pengiktirafan ini, USM lebih bebas dalam menentukan hala tuju sendiri.

Kebebasan yang diberikan diiringi tanggungjawab. Ada orang bercakap pasal autonomi yang seolah-olah kita akan menjadi orang hilang akal, tidak kira apa asalkan boleh buat, akan dilakukan. Kebebasan itu akan digunakan dengan penuh tanggungjawab dan akauntabiliti. Maknanya, kebebasan itu akan digunakan dengan menepati matlamat tertentu.

Soalnya, kalau kita nak ambil pen-

syarah luar negara untuk tingkatkan bidang yang kita rasa penting, kita akan cari orang yang sesuai. Kalau kita bersuara dengan memberi pandangan yang berbeza, ini adalah untuk memberi pilihan kepada penggubal dasar bahawa jalan untuk mencapai kecemerlangan bukannya satu, tetapi banyak. Jadi, kalau kita ketengahkan idea baru, terserahlah kepada mereka untuk membuat pilihan.

? Pelan Strategi Pembangunan lima tahun yang mensasarkan menjadi terbaik di rantau ini dikatakan antara rahsia serta kesungguhan pihak pengurusan meletakkan USM sebaris institusi terkemuka dunia. Apakah bidang yang akan diberi lebih tumpuan dan pengkhususan untuk dijadikan tarikan sebagai destinasi pilihan cendekiawan menjalankan R&D.

Apa yang jelas bagi kita dan berasakan ada impak yang cukup besar ialah bidang yang ada kaitan dengan kesihatan. Dalam pelan transformasi, salah satu syarat utama yang perlu dilihat ialah orang daif.

Kita berpandangan kalau ilmu itu sebagai satu alat yang boleh sama ratakan masyarakat, mengapa ini tidak berlaku. Mengapa ilmu yang ada tidak menaikkan taraf masyarakat, mengapa orang kaya terus kaya, dan yang miskin menjadi lebih miskin. Jadi, ada persoalan mengapa ini berlaku. Saya rasa persoalan ini ada kaitan dengan jenis ilmu yang kita bangunkan. Ilmu yang dibangunkan adalah ilmu yang boleh digunakan pasaran, untuk memperkayakan diri dan memperhambakan orang lain. Ilmu sedemikian digunakan sehinggalah jurang miskin dan kaya semakin luas. Kalau itu yang berlaku, kita tidak menggunakan ilmu itu dengan betul.

Ilmu yang betul akan merapatkan jurang. Ini satu cabaran yang cukup besar dan bagaimana kita boleh merapatkan jurang ini. Bagaimana kita akan wujudkan masyarakat yang cukup harmoni dan tiada miskin tegar. Kewajipan utama universiti ialah melihat bagaimana ilmu digunakan

untuk meningkatkan taraf hidup orang yang kehilangan peluang atau langsung tiada peluang.

Inilah program yang patut kita fikirkan dalam usaha membina masyarakat dan tamadun, bukan hanya untuk menjual dan membeli ilmu. Itu yang menjadi cabaran kepada kita.

? Mampukah USM melaksanakannya tanggungjawab ini.

Bila bercakap mengenai pengajian tinggi, pemainnya bukan saja universiti tetapi banyak lagi termasuk Kementerian Pengajian Tinggi dan agensi pusat. Jika kita dapat gembeng kefahaman semua pihak, saya rasa tidak ada sebab USM tidak boleh, hatta universiti lain pun boleh capai tahap itu. Isunya ialah bagaimana universiti diberi autonomi supaya kita tidak membuang masa dari segi mengikut peraturan yang menghambat pemecutan ke depan. Kita diberikan status Universiti Apex tetapi jika 'kaki dan tangan diikat, macam mana kita nak melakukannya. Jadi, saya juga mengharapkan 'rantai' dan 'tali' yang diikat, dilepaskan. Bagi USM, kita akan melakukannya dengan penuh tanggungjawab tanpa menggadaikan maruah negara.

? Kejayaan USM turut bergantung kepada kerjasama dan komitmen semua kakitangan termasuk pentadbir, penyelidik dan penyarah serta pelajar. Apa yang diharapkan daripada mereka.

Ini satu perkara yang perlu diakui yang mana di USM, semangat kerjasama semua pihak bukan satu perkara asing. Salah satu sebab USM dipilih kerana bila panel penilaian datang, mereka mengagumi kerjasama yang wujud di semua peringkat. Ini adalah satu penekanan yang diberikan kepada kesejahteraan kampus kerana tanpa muafakat, kita tidak boleh bergerak. Ini memang kita tekan dari awal lagi.

? Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin menjelaskan pemilihan USM kerana keupayaan membawa perubahan dalam sistem pendidikan tinggi sehingga mencapai tahap dunia. Apakah jaminan USM untuk tidak menghampakan harapan kerajaan ini.

Saya beri jaminan kita akan bekerjasama dan tidak akan mengecewakan bukan saja kerajaan tetapi rakyat supaya kita dapat memberi sumbangan terbaik untuk membangunkan masyarakat Malaysia. Kita akan tentukan generasi akan datang mendapat nikmat. Selagi kita diberi kepercayaan, keyakinan dan sokongan untuk jalankan tugas yang diamanahkan, saya yakin kita boleh melakukannya dengan berkat doa serta kerjasama dan izin Allah.

Universiti Apex bukan saja akan membawa USM menuju puncak tetapi memberi peluang kepada kita memperkasa budaya bangsa supaya dapat bangun sebagai satu bangsa untuk menebus maruah yang tercicir atau dicicirkan. Ini cabaran besar dan dengan keberkatan Allah, kita akan berusaha.

“Kalau betul nak bersaing di peringkat global, kalau dari segi ekonominya kita boleh buat lebih baik daripada orang lain, mengapa dari segi pendidikan kita tidak boleh buat. Banyak perkara yang Malaysia mendahului dan memimpin tetapi kenapa tidak dalam bidang pendidikan tinggi”

“Isunya ialah bagaimana universiti diberi autonomi supaya kita tidak membuang masa dari segi mengikut peraturan yang menghambat pemecutan ke depan”